

26 FEB 2001

Mahathir-Berlepas

DR MAHATHIR BERLEPAS KE CHINA UNTUK HADIRI FORUM BOAO

SUBANG, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke China hari ini untuk menghadiri Forum Boao Bagi Asia (BFA) di Hainan.

Beliau diiringi oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Perdana Menteri, yang berlepas dari pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, dijangka menyampaikan ucapan utama pada pelancaran forum itu.

Antara pemimpin Asia lain yang dijangka turut menghadiri forum dua hari itu ialah Presiden China Jiang Zemin, bekas Perdana Menteri Jepun Yasuhiro Nakasone dan bekas Perdana Menteri Australia, Bob Hawke serta bekas Presiden Filipina Fidel Ramos.

Malaysia mempunyai tiga wakil dalam kumpulan penasihat BFA terdiri daripada bekas Timbalan Perdana Menteri yang kini Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Tan Sri Musa Hitam, bekas Setiausaha Agung Asean Tan Sri Ajit Singh yang mungkin akan dilantik sebagai Setiausaha Agung BFA, dan bekas Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, Datuk Dr Kamal Salih.

BFA akan mencari penyelesaian dan melaksanakan program bagi menyediakan Asia untuk menghadapi globalisasi dan memastikan kemakmuran ekonomi disebarkan ke serata rantau ini.

Ia akan merupakan institusi yang mempunyai keutamaan untuk melahirkan perogram pembangunan ekonomi yang berdaya maju untuk manfaat negara-negara Asia.

Nama forum itu, Boao, adalah sempena nama kawasan resort yang terletak dalam kawasan ekonomi khas di pulau Hainan di bahagian selatan China.

Dr Mahathir dijangka pulang ke tanah air esok.

-- BERNAMA

SR ES NMO